

30 JUL 2004

LID-Rangkuman/I

LID INGIN MEREALISASIKAN PERKONGSIAN PINTAR

LANGKAWI, 30 Julai (Bernama) -- Hari kedua Dialog Antarabangsa Langkawi menyaksikan peserta tidak membuang masa untuk terus membincangkan cara-cara untuk menggerakkan perkongsian pintar, satu pergerakan yang dirintis oleh Malaysia di kalangan negara Selatan-Selatan.

Perkara yang menjadi agenda utama mereka adalah menangani kemiskinan dan bagaimana untuk melaksanakannya. Meskipun dalam suasana yang tidak rasmi, nadanya adalah serius apabila ketua-ketua negara, ahli politik dan ketua-ketua korporat mencari kaedah bagi merealisasikan beberapa cadangan perniagaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pelbagai isu diperbincangkan tetapi isu kemiskinan diberi tumpuan utama.

Dengan menyatakan ia bukannya satu tugas yang mudah, beliau berkata kerajaan Malaysia mengambil masa lebih 30 tahun untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada lima peratus daripada 52 peratus.

Timbalannya, Najib Tun Razak, memberi contoh pemulihan tanah sebagai cara untuk membasmi kemiskinan.

"Kita boleh memperlihatkan apa yang kita telah usahakan di Malaysia dan kemungkinan mereka boleh menggunakan elemen pengalaman kita di negara mereka sendiri."

Datuk Abdul Wahid Omar, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Telekom Malaysia Bhd, berkata perniagaan perlu menyokong kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan kerana mereka yang mengenenpikan tanggungjawab sosial seumpama itu dijangka tidak akan bertahan.

Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata pemimpin negara membangun yang mengambil bahagian dalam dialog perkongsian pintar haruslah mempunyai kefahaman yang lebih jelas mengenai isu-isu yang terlibat dalam pentadbiran yang lebih cekap dan pembangunan negara.

Uganda, yang baru sahaja memperkenalkan rancangan strategik sosio ekonomi 10 tahun adalah satu contoh yang baik.

Negara itu mempelawa pelabur Malaysia mengambil kesempatan daripada peluang besar yang ditawarkan Uganda.

Dan seperti Naib Presiden Zambia Dr Nevers Mumba, beliau juga memberi amaran sekiranya kemiskinan di Afrika tidak ditangani, ia boleh menjejaskan seluruh dunia.

Dengan hanya sehari sebelum dialog itu berakhir para peserta dijangka berusaha sebaik mungkin untuk mencari jalan merealisasikan dunia yang pintar terutama ke arah usaha membasmi kemiskinan yang menjadi kunci utama ke arah keselamatan global.

-- BERNAMA

MR SHY TOM ZK